

Maksud Wakaf	Maksud Musaqah	Operasi Cadangan Kontrak Musaqah	Rukun Musaqah
<p><b>Imam Nawawi :</b></p> <p>-Wakaf ialah terhalangnya harta yang boleh dimanfaatkan dari harta tersebut dengan mengekalakan zat harta itu serta hilang penguasaan memiliki harta tersebut dan pelakuannya membawa kepada kebaikan untuk mendekatkan diri kepada Allah.</p>	<p><b>Musaqah dari segi :</b></p> <p>Bahasa ialah <i>saling menyiram</i>.</p> <p>Syara' ialah <i>satu kontrak penyerahan tanaman atau pohon kepada orang yang menjaga dan memelihara tanaman dengan agihan hasil atau ianya merupakan satu kontrak kerja berdasarkan hasil tanaman.</i></p>	<p><b>(5) Operasi Cadangan Kontrak Musaqah :</b></p> <p>1) Pengumpulan modal dibuat daripada orang ramai iaitu melalui kutipan saham wakaf dan sumbangan saham wakaf pokok.</p> <p>2) Pihak majlis agama Islam negeri atau pihak berkuasa hanya memilih golongan miskin yang berkeupayaan dari sudut fizikal dan mental untuk melaksanakan kerja tersebut.</p> <p>3) Pihak majlis agama Islam negeri atau pihak berkuasa akan menyediakan sebidang tanah dan modal untuk dibangunkan oleh golongan miskin dan proses penanaman seperti pembelian benih, baja, racun serta jentera pembajak.</p> <p>5) Pengusaha akan menguruskan ladang tersebut dari sudut penjagaan iaitu meracun dan membaja sehingga buah tersebut dapat dikutip dan dijual.</p> <p>6) Sekiranya buah tersebut sudah masak dan boleh dijual, maka hasil jualan hendaklah diagihkan di antara pengusaha dan pihak berkuasa berdasarkan persetujuan yang dipersetujui pada awal kontrak.</p>	<p><b>Jumhur Ulama bersepakat :</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kedua Pihak Yang Berkontrak</li> <li>2. Objek Musaqah</li> <li>3. Buah</li> <li>4. Kerja</li> <li>5. Jab dan Qabul</li> </ol>
Faedah Wakaf	Hukum Musaqah	Modus Operandi Kontrak Musaqah	Kesimpulan
<p><b>Pensyariatan Wakaf :</b></p> <p>-Wakaf boleh dijadikan sebagai penggerak kepada pembangunan negara sama ada dari sudut ekonomi pertanian maupun ekonomi pembangunan.</p> <p>-Wakaf juga merupakan salah satu daripada institusi ekonomi Islam yang menggabungkan elemen rohaniah dengan harta benda. Hal ini dapat dilihat dengan jelas dari sudut pengorbanan yang dilakukan oleh para pewakaf dalam mengorbankan hartanya demi kepentingan umat Islam dalam memartabatkan ekonomi umat Islam dan kebijakan sosial secara khususnya.</p>	<p><b>Jumhur Ulama bersepakat :</b></p> <p>-Boleh Dilakukan.</p> <p>-Hal ini kerana, sudah merupakan suatu transaksi yang amat diperlukan oleh masyarakat untuk memenuhi keperluan hidup dan sebagai bentuk sosial antara sesama manusia dengan salah satu cara memberi pekerjaan kepada mereka yang kurang mampu.</p>		<p><b>Natijahnya :</b></p> <p>-Kontrak Musaqah mengatasi masalah pembangunan harta wakaf di Malaysia dan seterusnya menjana ekonomi umat Islam serta pembangunan sosial ummah yang lebih baik dan berkesan pada masa hadapan.</p>



By Ahmad Fawwaz

[cheatography.com/ahmad-fawwaz/](https://cheatography.com/ahmad-fawwaz/)

Published 16th June, 2020.

Last updated 20th June, 2020.

Page 1 of 1.

Sponsored by [Readable.com](https://Readable.com)

Measure your website readability!

<https://Readable.com>